

Kata Sendi Nama



- Kata sendi nama ialah **perkataan** yang digunakan untuk **menyambungkan frasa nama dengan kata atau frasa yang lain**.
- Kata sendi nama letaknya di **hadapan kata nama dan frasa nama**.
- Penggunaan kata sendi nama:
 - akan**: digunakan selepas kata adjektif yang menyatakan perasaan atau sikap
 - dari**: untuk tempat dan masa
 - kepada**: untuk orang atau kata ganti diri
 - oleh**: digunakan selepas kata kerja pasif yang berawalan *di-* dan *ter-*



✓ Sistem Bahasa: Bahagian A

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Majlis pernikahan Abang Farhan bermula _____ pukul 10:00 pagi.
 A di C dari
 B pada D daripada

2. Norlia terjaga _____ lamunannya apabila disapa oleh Asyikin.
 A pada C dari
 B akan D daripada

3. "Jangan sesekali berbuat jahat _____ sesiapa pun," pesan ayah.
 A ke C kepada
 B untuk D akan

4. Ibu mengajak Alyah menemaninya _____ pasar malam.
 A ke C untuk
 B di D dari

5. Dia baru menyadari bahawa telefon bimbitnya tertinggal _____ pejabat.
 A di C dengan
 B dari D daripada

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



6. Azalee sangat gembira apabila dapat berjumpa _____ pelukis terkenal itu.
 A oleh C dengan
 B demi D terhadap